S2A BT H32

Jiran Baharu

Syamir begitu girang apabila mendapat tahu bahawa dia telah mendapat jiran baharu. Encik Tan dan keluarganya telah berpindah ke rumah baharu mereka pada awal minggu lalu. Petang itu, Syamir dan keluarganya melawat keluarga Encik Tan untuk berkenalan dengan mereka. Encik Tan sekeluarga gembira sekali dengan kedatangan keluarga Syamir.

“Terima kasih, Encik Johan, kerana sudi melawat kami. Maaflah rumah kami masih berselerak,” kata Encik Tan sambil menjemput Encik Johan sekeluarga duduk di sofa besar di ruang tamu. Ruang tamu itu juga dilengkapi sebuah bangku panjang yang diperbuat daripada kayu jati.

“Jangan risau, Encik Tan. Kami faham. Untuk mengemas rumah baharu, memang mengambil masa yang agak lama. Jika Encik Tan memerlukan apa-apa bantuan, kami sekeluarga bersedia untuk membantu,” kata bapa Syamir.

Setelah berbual selama dua jam, Encik Johan dan keluarganya meminta izin untuk pulang kerana hari sudah lewat.